



TIGA pelajar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Perlis menunjukkan produk yang dihasilkan pada PECIPTA 2013.



DUA pelajar perempuan Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis menunjukkan produk yang dihasilkan pada PECIPTA 2013.



DUA penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah mempamerkan hasil kajian mereka pada PECIPTA 2015.

KPT, UnisSZA dan UMT bekerjasama buat kali pertama anjur PECIPTA 2017

Platform perkenal produk inovasi

BUAT julung-julung kalinya, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan menganjurkan Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2017 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu pada 7 hingga 9 Oktober ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir berkata, PECIPTA kali ini melakar sejarah tersendiri apabila buat kali pertama diadakan di luar ibu kota selepas edisi-edisi terdahulu berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

"PECIPTA merupakan acara dwitahunan yang dianjurkan secara bersama antara KPT dan institusi pengajian tinggi awam sejak tahun 2001. Bagi penganjuran kali ini, PECIPTA telah dipertanggungjawabkan kepada UMT dan UniSZA sebagai penganjur bersama.

"Antara pengisian pada PECIPTA 2017 ialah pameran hasil ciptaan dan inovasi, sesi *business matching and pitching*, *icon talk* dan *live demo* daripada para peserta.

"Jadi kami amat mengalu-alukan kehadiran para pengunjung terutamanya daripada pihak industri yang berminat dengan inovasi dilaksanakan di universiti-universiti berkenaan untuk menghadiri sesi *business matching*," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Beberapa buah syarikat dikenal pasti terlibat untuk sesi *business matching* seperti SME Aerospace Sdn. Bhd., Bintulu Port Holdings Bhd., Bumi Hijau Food Industries Sdn. Bhd., KL Biotech Sdn. Bhd., Biofuel Biomas Sdn. Bhd. dan Hevea-board Bhd.

Siti Hamisah berkata, antara



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (lima dari kiri) menyampaikan anugerah Best Award PECIPTA 2015 kepada penyelidik dari Universiti Malaysia (UM), Prof. Madya Dr. Chong Wen Thong.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang berjumpa dan mendapatkan tandatangan Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha pada PECIPTA 2015.



PENYELIDIK yang juga pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris menunjukkan anugerah yang dimenangi menerusi hasil kajian yang dilakukan pada PECIPTA 2015.

pihak yang dijemput untuk menghadiri PECIPTA 2017 termasuklah beberapa kedutaan, kementerian-kementerian, agensi dan jabatan kerajaan, universiti awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti.

Menurutnya, wakil-wakil dari institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara turut dialu-alukan untuk menyertai PECIPTA 2017 yang bertemakan Memupuk Usahawan Melalui Pendidikan, Industri, Teknologi dan Inovasi Sosial.

"Sebanyak 416 penyertaan produk dari institusi pendidikan tinggi telah direkodkan pada PECIPTA 2017 dan 10

daripada jumlah penyertaan itu terdiri dari universiti antarabangsa seperti Vietnam, Thailand, Belgium, China, Britain dan Indonesia.

"Justeru, kami berharap PECIPTA kali ini dapat menghimpunkan lebih daripada 400 produk inovasi tempatan dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, PECIPTA 2017 menawarkan peluang kepada golongan akademik dan industri untuk mendapatkan geran Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) iaitu satu inisiatif yang diterajui oleh KPT.

"Ia bertujuan merapatkan jurang pengetahuan teknologi,

meningkatkan produktiviti dan memperkukuh pembangunan ekonomi negara melalui program-program inovasi dan komersial," katanya.

Beliau berkata, PECIPTA 2017 dianjurkan berdasarkan 10 kluster dengan melibatkan tiga kategori pertandingan yang mana kesemua produk inovasi perlu menekankan konsep penyelesaian masalah kepada komuniti dan industri (*solution provider to community and industry*), menyasarkan penglibatan industri bagi menilai keupayaan dan potensi hasil penyelidikan (*market driven*) dan komersialisasi (*commercialization*).

INFO

10 Kluster Utama PECIPTA 2017

1. Alam Sekitar & Tenaga Boleh Baharu (Environment & Renewable Energy)
2. Agrikultur & Akuakultur (Agriculture & Aquaculture)
3. Reka Bentuk Industri, Kejuruteraan Bangunan & Seni Bina (Industrial Design, Building Engineering & Architecture)
4. Pengurusan Bencana (Disaster Management)
5. Pendidikan, Pembangunan Ekonomi & Inovasi Sosial (Education, Community Development & Social Innovation)
6. Kesihatan, Perubatan, Farmaseutikal, Makanan & Suplemen (Health, Medical, Pharmaceutical, Food & Supplement)
7. Era Digital, Analisis Data & Revolusi Automasi (Digital Era, Data Analytics & Automation Revolution)
8. Teknologi Pembuatan, Prosesan Makanan & Mekanisasi (Manufacturing Technologies, Food Processing & Mechanization)
9. Automobil, Aeronautik & Teknologi Maritim (Automobile, Aeronautical & Maritime Technology)
10. Pelancongan (Tourism, Travel & Tours)

"PECIPTA 2017 juga bakal memperkenalkan dua kategori baharu iaitu *Showcase of Success Story* melalui projek yang berjaya dikomersialkan dan projek komuniti serta *Services and Consultancy* yang memberi peluang kepada industri bagi mendapatkan servis dan khidmat nasihat daripada ahli akademik," jelasnya.

Sejak tahun 2001, PECIPTA yang dianjurkan oleh KPT dengan universiti-universiti terpilih telah menjadi satu platform buat para penyelidik dari institusi pengajian tinggi tempatan untuk memperkenalkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka kepada pihak-pihak berkepentingan.